

CNS4792

R GB 18-02 00151 BH247

AAB

Mahathir - Yatim

ANAK YATIM PERLU DIBIMBING SUPAYA BERDIKARI

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir berkata anak-anak yatim perlu dibimbing supaya mereka dapat berdikari serta mempunyai sikap bersaing demi masa depan mereka dan masyarakat.

Perdana Menteri berkata, anak-anak yatim tidak harus dibiarkan bergantung sangat kepada bantuan seumur hidup sehingga menjadi beban kepada masyarakat.

Pengasuh atau pertubuhan anak yatim tidak harus memanjakan sangat anak-anak yatim agar mereka mampu berdikari, katanya ketika berucap pada perasmian Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Malaysia (YATIM) di Pusat Islam di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau bersyukur kerana dalam pertumbuhan ekonomi yang maju ini masih ada mereka yang berjaya tidak melupakan golongan yang memerlukan.

Beliau juga berkata mereka yang berjaya ini serta syarikat-syarikat besar hendaklah turut mengingati rakyat yang bertugas dalam dan luar negara terutama pasukan keselamatan. -- Lagi

▼18/02/14-27MST

CNS4794

R GB 18-02 00141 BH248

AAB

Mahathir - Yatim 2 (akhir) Kuala Lumpur

Menurut seorang pegawai YATIM, matlamat pertubuhan itu ialah untuk membiayai kebajikan anak-anak yatim yang pintar tanpa mengira kaum, agama atau warna kulit supaya mendapat pendidikan yang bermutu.

Pada peringkat permulaan, YATIM akan memilih anak-anak yatim daripada rumah-rumah anak yatim di setiap negeri berdasarkan pencapaian akademik dan menempatkan mereka di asrama YATIM.

Sumber kewangan YATIM akan bergantung kepada derma daripada badan-badan korporat dan perniagaan serta sumbangan orang perseorangan. Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YATIM ialah Datuk Ahmad Sebi Bakar.

Pada majlis itu, Perdana Menteri juga menerima derma berjumlah RM11 juta daripada beberapa badan korporat dan syarikat serta orang perseorangan. Antaranya Renong, Berjaya, Multipurpose Holdings, GT Consultants, Advance Energy Group, Tajuddin Ramli, Tun Daim Zainuddin dan Tan Sri Vincent Tan. -- Bernama

MGM CR

▼18/02/14-34MST